



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/1/2020	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sungai Selangor tercemar



Saian menunjukkan keadaan pokok berembang yang rosak akibat pencemaran Sungai Selangor.

Tindakan buang sisa haram didakwa ancam habitat kelip-kelip

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN

KUALA SELANGOR

Tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa haram di Sungai Selangor memerlukan pemantauan berterusan kerana menjejaskan pokok berembang dan mengancam habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan.

Pendayung pelancong, Saian Abdul Ghani, 72, berkata, keadaan bertambah teruk setiap kali hujan kerana air menjadi busuk dan berubah warna.

"Keadaan ini menyebabkan

pokok berembang yang tumbuh di tepi muara sungai menjadi layu dan daunnya pula kering berwarna kekuningan," katanya.

Saian berkata, masalah pencemaran kawasan itu berlaku ketika hujan berterusan dan dibimbangi populasi kelip-kelip berkurangan jika tiada tindakan susulan menangani isu pencemaran Sungai Selangor.

Seorang lagi pendayung pelancong, Azmi Ramli, 38, mencadangkan kerajaan supaya lebih tegas terhadap pihak yang mengancam kebersihan Sungai Selangor.

Menurutnya, kelip-kelip amat bergantung kepada pokok berembang untuk terus mengekalkan habitatnya di kawasan tumpuan pelancong itu pada masa depan.

"Jika kelip-kelip lenyap dari sini sosioekonomi penduduk yang bergantung hidup dalam

sektor ekopelancongan sama ada sebagai pendayung atau pemandu pelancong juga terjejas," katanya.

Penyelaras Inspirasi Kawa, Masbudi Abdul Malek berkata, setakat ini terdapat lebih 1,000 anak pokok berembang ditanam di kawasan sungai di kampung berkenaan.

"Pokok berembang perlu sentiasa dipantau bagi memastikan ia kekal sebagai habitat kelip-kelip yang menjadi tarikan pelancong.

"Kita akan memperluaskan usaha menjaga dan memulihara ekosistem sungai di sini dengan melibatkan komuniti dan pihak berkepentingan di sepanjang hilir Sungai Selangor dari semasa ke semasa," katanya.

Katanya, mereka juga mahu mendidik penduduk supaya menjaga disiplin dan tidak membuang sampah di sungai.